Sepertimana Berkuatkuasa
Pada Ogos. 2003

Kemalangan Jalanraya

Kempen Pengutaraan Dan Kesedaran Undang-Undang

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my

A. OBJEKTIF

Objektif risalah ini ialah untuk memberi panduan kepada anda mengenai langkah-langkah yang perlu diambil jika anda terlibat di dalam sesuatu kemalangan jalan raya. Anda mungkin cedera atau mencederakan seseorang atau anda mungkin telah merosakkan kenderaan anda atau kenderaan orang lain.

B. APA YANG PERLU DILAKUKAN DI TEMPAT KEMALANGAN

1. Bertenang dan jangan cemas. Anda juga tidak boleh bertidak membelakangkan undang-undang.
2. Ambil butir-butir maklumat kenderaan yang terlibat:
   - nombor-nombor pendaftaran.
   - jenis kenderaan
   - warna

3. Kemudian, ambil butir-butir maklumat mengenai pemandu / penumpang / saksi:
   - nama
   - alamat
   - nombor kad pengenalan
   - nombor lesen memandu
   - nombor telefon

4. Jika anda membawa kamera, ambil gambar-gambar tempat kemalangan dan juga kenderaan-kenderaan yang terlibat, Jangan lupa menyimpan negatif gambar-gambar di dalam tempat yang selamat kerana gambar-gambar tanpa negatif mungkin tidak boleh diterima sebagai bukti di mahkamah.

C. DI BALAI POLIS

Anda perlu membuat laporan polis dalam masa 24 jam berlakunya kemalangan di balai polis terdekat. Jika anda cedera, dapatkan rawatan perubatan dahulu dan kemudian barulah membuat laporan polis di pondok polis di hospital. Terangkan di dalam laporan anda bagaimana kemalangan itu berlaku.

Anda boleh menulis laporan di dalam Bahasa Malaysia dan kemudian turunkan tanda tangan di bahagian bawah laporan tersebut. Jika anda tidak boleh munulis di dalam Bahasa Malaysia, anda boleh jelaskan kepada Pegawai Polis yang bertugas untuk menuliskannya. Sentiasa minta salinan sah laporan tersebut.

D. CARA MENGHADAPI KEROSAKAN KENDERAAN

1. Baca polisi insuran anda dengan teliti. Anda mesti melaporkan kemalangan tersebut kepada syarikat insuran dalam masa yang ditetapkan di dalam polisi, jika tidak, syarikat insuran tidak akan mengendahkan tuntutan anda.

2. Pastikan Kenderaan anda ditunda ke bengkel yang diiktiraf. Di sana, kerosakan kenderaan anda akan ditaksirkan oleh penaksir syarikat insuran.

3. Jika anda cedera, dapatkan rawatan dengan segera. Dapatkan laporan rawatan dan jika boleh salinan laporan rawatan.

E. MENYIMPAN REKOD

Anda perlu menyimpan rekod yang betul mengenai:
- butir-butir di perenggan B di atas
- salinan-salinan sah laporan Polis
- resit perbelanjaan berkenaan seperti bayaran rawatan perubatan, perbelanjaan kenderaan, sewa kenderaan dll.
- dokumen-dokumen yang menyokong tuntutan:- gambar-gambar dan negatif, bil membaiki kenderaan, resit, laporan perubatan.

F. TUNTUTAN KEROSAKAN KENDERAAN

Terdapat dua cara untuk menuntut kerosakan kenderaan.

1. **Tuntutan dari syarikat insurans anda:**
   Teliti polisi insurans anda dan catat perenggan tuntutan lebihan di dalam polisi. Jika mahu menuntut daripada syarikat insurans anda, tuntutan mesti melebihi peruntukan perenggan tuntutan lebihan tersebut. Kemudian, syarikat insurans akan membayar perbezaan di antara tuntutan anda dan jumlah lebihan. Sebagai contoh, jika perenggan tututan lebihan ialah RM 1000.00 dan tuntutan anda ialah RM800.00, anda tidak boleh menuntut daripasda syarikat insurans anda. Tetapi jika tuntutan anda berjumlah RM1800.00, anda akan dibayar RM800.00. Anda perlu ingat bahawa tuntutan dari syarikat insurans anda boleh menyebabkan anda hilang 'bonus tiada tuntutan'.

2. **Tuntutan dari syarikat insurans pihak yang lain:**
   Anda juga boleh membuat tuntutan dari syarikat insurans pihak yang lain. Jika anda pilih sedemikian anda dinasihatkan untuk mengambil pekhidmatan seorang peguam.

G. MENGAMBIL PERKHIDMATAN PEGUAM

Jika anda mahu membuat tuntutan, anda perlu mengambil perkhidmatan seorang peguam. Ingat, anda mempunyai hak untuk memilih peguam anda. Jadi, jangan terpengaruh oleh orang lain yang mahukan anda menerima perkhidmatan peguam mereka. Anda akan disuruh oleh peguam anda untuk menandatangani waran untuk bertindak. Ini merupakan sebuah dokumen yang melantiknya sebagai peguam anda dan memberi kuasa kepada penguam tersebut untuk bertindak bagi pihak anda.

H. APA YANG AKAN DILAKUKAN OLEH PEGUAM?

Peguam anda akan:

- ambil kenyataan penuh anda dan memeriksa segala dokumen yang anda ada, pertimbangkan bukti-bukti yang ada dan menerangkan kepada anda jenis dan jumlah tuntutan yang boleh anda terima.
- tulis surat kepada balai polis untuk mendapatkan salinan laporan polis dan juga peta lakaran tempat kejadian.
- jika anda tidak mendapat laporan rawatan, peguam akan menulis kepada pihak hospital untuk mendapatkannya.
- tulis kepada syarikat insurans yang berkenaan untuk mendapatkan ganti rugi.
- jika ganti rugi yang sepatutnya tidak boleh diperolehi, dia akan memfailkan dakwaan sivil, menyediakan dokumen-dokumen dan bersiap sedia untuk perbicaraan. Walaupun di peringkat ini, pihak-pihak yang terlibat masih boleh membuat penyelesaian sendiri.

I. APA YANG BOLEH DITUNTUT?

Orang yang cedera boleh menuntut:

a) Ganti rugi khas
b) ganti rugi biasa / am

a) Ganti rugi khas - ia merupakan tuntutan untuk perbelanjaan khas seperti pengangkutan, kos memperbaiki kenderaan, menyewa kenderaan lain, perbelanjaan perubatan. Biasanya, ganti rugi khas hanya melibatkan perbelanjaan kewangan khas, yang telah dibelanjakan si penuntut oleh sebab kemalangan tersebut.
b) Ganti rugi biasa / am - ia merupakan ganti rugi bagi kesakitan dan penderitaan berikutan kecederaan.

J. PERBICARAAN

Jika hal ini perlu dibicarakan, mahkamah akan menutuskan mengenai:

a) liabiliti - siapa yang bertanggungjawab menyebabkan kemalangan ?
b) kuantum - berapa banyak yang perlu diberi oleh pihak yang cedera?

Jika defenden bertanggungjawab sepenuhnya atas kemalangan tersebut, dia akan bertanggungjawab 100%.

Terdapat juga keadaan di mana orang yang membuat tuntutan juga bertanggungjawab ke atas kemalangan tersebut. Jika sedemikian, plaintif akan dikatakan turut cuai. Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah akan menaksir tahap tanggungjawab si penuntut peratusan dalam menyebabkan kemalangan dan mengurangkan jumlah sepatutnya. Jadi jika mahkamah mendapati yang si penuntut bertangungjawab 50%, mahkamah akan mengurangkan jumlah kuantum sebanyak 50%.

K. MENDAPATKAN WANG

Cek akan dikeluarkan oleh syarikat insurans di atas nama anda dan akan dihantar kepada peguam anda. Peguam anda pula akan memberitahu anda supaya hadir di pejabatnya untuk mengambil cek tersebut.

L. PERINGATAN TERAKHIR!

Ingat bahawa anda menpunyai hak untuk memilih peguam anda. Jangan terpengaruh untuk memilih peguam orang lain.

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my